

Memang tak masuk akal, namun saya yakin mayat itu bukan Nurin Jazlin biarpun ujian DNA mengesahkan ia anak saya"

van putih

Certa van putih itu kembali apabila menga... Nazatul Fatiha Mohd Iwan... yang ditemui di Bangkok pada 11 Mac lalu... ditakkan diculik... lelaki memaki van itu sewaktu mangsa berada berdekatan restoran di Sekoyon 9, Shah Alam pada 30 Januari lalu.

PENCULIKAN Kanak-Kanak Kebimbangan Tanpa Noktah!

KES PENCULIKAN KANAK-KANAK YANG SEMAKIN MERUNCING DI NEGARA KITA MENJADI SATU KETAKUTAN BAGI IBU BAPA HARI INI. MELEPASKAN ANAK TANPA PENJAGAAN MENJADI SATU PERKARA YANG MEMBUATKAN IBU BAPA RUNSING SABAN HARI. HATTA, DI SEKOLAH SEKALIPUN, IBU BAPA TETAP TIDAK SENANG DUDUK GARA-GARA MEMIKIRKAN KESELAMATAN ANAK-ANAK.

Oleh: Siti Ramlah Mahmud

Fenomena sebegini sememangnya menjadi satu ketakutan dan perkara yang cukup merisaukan ibu bapa. Di Malaysia, hampir 10,000 kanak-kanak hilang direkodkan sejak lima tahun lalu yang majoritinya adalah kanak-kanak dan remaja perempuan. Hal ini pastinya amat membimbangkan.

Keratan-keratan akhbar yang kami paparkan ini merupakan antara kes serius dan terbesar yang berlaku di negara kita dan sebahagian kes yang kami dedahkan ini merupakan kes yang mungkin tidak pernah difikirkan dek akal kita. Namun inilah yang terjadi.

Setiap petang Zariff, 6 tahun, dan adiknya Amelia, 5 tahun, biasanya akan ke taman permainan kanak-kanak untuk bermain. Seperti biasa, tepat jam 6 mereka akan meminta kebenaran si ibu untuk bermain di taman yang hanya terletak 2km dari rumah mereka. Zariff berbasikal sementara adiknya Amelia lebih senang mengikutinya daripada belakang sambil berlari. Zariff asyik bermain bersama rakan-rakannya sementara Amelia pula bermain sendirian di satu sudut

Aina, 7 tahun, disuruh ibunya untuk ke kedai yang berada di bawah rumah flat mereka bagi membeli barangan keperluan memasak yang tidak cukup. Aina pula yang petah dan sudah terbiasa dengan keadaan ini menyambut tugasnya dengan senang hati. Maklumlah, ketika inilah dia boleh bertemu rakannya yang tinggal bersebelahan dengan kedai runcit kecil di kawasan perumahan mereka. Hampir 30 minit bertalu, ibu Aina mula risaukan anaknya yang masih tidak menampakkan mukanya. Dia kemudiannya turun ke bawah rumah dan mula bertanya pekedai di bawah. Ternyata kata pekedai yang juga merupakan jiran mereka, Aina sememangnya tidak ke kedai untuk membeli barangan yang dipesan ibunya. Dia lenyap begitu sahaja tanpa diketahui ke mana perginya. Jiran serta rakan-rakan sekeliling juga tidak langsung nampak kelibatnya ketika waktu itu. Di manakah Aina?

Nadin, 5 tahun, sememangnya menjadi kesukaan semua orang yang memandangnya. Keletahnyanya yang manja, comel dan begitu bijak berkata-kata buat semua orang suka kepadanya. Dia yang sering bernyanyi riang serta bertanya pelbagai soalan kepada semua orang ini cukup happy go lucky orangnya. Jarang sekali Nadin menunjukkan perangai yang tidak enak di kalangan adik beradiknya yang lain. Menjadi kemestian Nadira bermain di halaman rumahnya sambil bermain kucing peliharaan mereka. Bagi ibunya, tidak menjadi soal kerana pintu rumah sentiasa dibuka dan suara Nadin yang petah membuatkan ibunya sentiasa tahu dan sedar dia bermain di halaman rumah. Namun petang itu, suara girang

Nadin dengan kucingnya secara tiba-tiba tidak kedengaran oleh ibunya. Panggilan namanya juga tidak disahai oleh Nadin. Ibunya mula panik setelah melihat kelibat Nadin telah tiada di laman rumahnya. Dua beradik kembar, Sufiyya dan Suryana, 10 tahun, memang rapat ke mana sahaja bersama-sama. Di satu petang hujung minggu, kedua anak kembar ini meminta untuk ke pasar malam yang terletak hanya 1km daripada rumah mereka. Fikirkan mereka sudah boleh berikar sendiri, ibunya melepaskan anak-anak yang semakin membesar ini ke pasar malam. Namun malangnya sehingga ke hari ini, adik kembar Sufiyya, iaitu Suryana masih tidak ditemui. Kata kakaknya, dia berjalan sedikit hadapan daripada adiknya dan dalam masa beberapa minit dia terdengar bunyi tapak kaki di belakangnya dan sebaik ditoleh ke belakang, adiknya Suryana telahpun tiada. Puas dipusing memanggil dan mencari adiknya, namun kelibat Suryana tetap tidak kelihatan. Dalam ketakutan dan tangisan yang tidak putus, dia pulang ke rumah memberitahu ibunya. Sehingga kini kehilangan Suryana masih menjadi misteri dan tanda tanya.

Dendam ibu dan ayah mengundang parah kepada anak kandung sendiri. Semuanya bermula bila mana ayah Zariff menegur sekumpulan anak muda yang mencuri kabel elektrik di hadapan rumah mereka. Bukan sekali dua, kes kehilangan kabel dan disaksikan sendiri oleh ayah Zariff buat dia dan penduduk taman perumahan itu berang. Kejadian di hadapan mata ayah Zariff sudah tidak mampu di tahannya lagi lantas di marahnya sekumpulan anak muda ini secara berdepan. Sebelum berliku pergi, sekumpulan anak muda ini cuba mengutip ayah Zariff. Keesokan harinya, Zariff yang ke surau secara bersendirian di kawasan perumahan tidak pulang-pulang ke rumah walaupun jam sudah menunjukkan pukul 11 malam. Ayah Zariff berusaha mencarinya di sekitar kawasan perubahan, di rumah kawan-kawannya serta menantinya pulang. Dua minggu kemudian, mayat Zariff ditemui di kawasan semak dalam keadaan menyayat hati. k

Dirang ditemui mati dibakar



Ujian DNA ke atas rangka mendapati sepadan dengan ibunya

MAYAT di bahagian Nuri Nadrah Abdullah, 5, telah ditemui dibakar dengan binaan... 12 hari lalu... keluarga ayahnya... DNA... sepadan dengan ibunya



metro Murid ditank dalam van, campak ke longkang Culik Uphah samseng belah rakan Carissa belum puas Laporan polis simpan VCD

Dirang... Sistem kahangan Nuri Nadrah Abdullah yang telah meca dipanggil... 5 tahun, sejak 1 Mac lalu terjajah apabila polis... mengesahkan dia... DNA... sepadan dengan ibunya

DI MANA ASMAWI?



Asmawi b. Jamaluddin Budak Melayu berusia 11 tahun HILANG PADA 9 MAC 2008 ketika pulang dari sebuah CyberCafe bersama kawannya di Lembah Pantai.

DI MANA SHARLINE?



TARIKH HILANG: 9 Jan 2008 TEMPAT HILANG: Taman Medan, Petaling Jaya. Status: Budak perempuan Umur: 5 tahun Ketinggian: 1 meter Berat badan: 20 kg Rambut: Pendek Muka: Bulat

PAKAIAN TERAKHIR: Baju lengan panjang merah dan seluar pendek. 019-2550279 - Saadah 014-2282656 - Rozita

Hubungi Nashar (bapa) 016 270 9096, 016 258 3451 Polis: 999 atau 03 7966 22

Pembunuhan Nurin



Budak diculik angara dendar... Gambar-gambar kecil dan teks tambahan mengenai kes pembunuhan Nurin.